# Panduan Guru bagi Bahan Klip Video Darjah 2A
# Klip Video 2

| | |
|---|---|
| **Pakej MEKAR** | 2A |
| **Unit 2** | Alangkah Seronoknya! |
| **Tajuk Klip Video** | Sepatu Roda |
| **Fokus Interaksi Lisan** | Bertransaksi |
| **Aspek Bahasa** | Kata Kerja dan Awalan meN-/ber- |
| **Objektif** | Murid dapat mengambil bahagian dalam interaksi lisan jenis transaksi mengenai aktiviti dan peralatan keselamatan semasa bermain sepatu roda. |

| STRATEGI PEMBELAJARAN | BAHAN/CATATAN |
|---|---|
| **Aktiviti**<br><br>Murid:<br>a. menonton klip video 'Sepatu Roda'<br>b. memberi respons kepada pertanyaan guru<br>c. menonton klip video sekali lagi<br>d. melakonkan aktiviti interaksi lisan bertransaksi dengan menggunakan Kad Panduan Bertransaksi<br>e. melengkapkan borang penilaian<br>f. bertransaksi, menyoal dan memberikan respons tentang alat keselamatan bagi aktiviti berenang<br>g. menilai dan memberi respons berkenaan kemahiran berbahasa rakan-rakan sebaya mereka.<br><br>**Saranan Aktiviti Lanjutan**<br><br>Murid:<br>a. meneliti gambar seperti berkelah, berenang<br>b. murid bertransaksi dengan rakan mengenai aspek keselamatan semasa berkelah dan berenang. | **Catatan**<br>• Guru boleh menyediakan skrip mudah<br>• Guru boleh memberi perkataan panduan di papan tulis<br>• Guru boleh menyuruh murid melengkapkan Kad Bertransaksi secara lisan sebelum melakonkan<br>• Guru menyediakan tugasan lain agar interaksi transaksi dapat diaplikasikan<br>• Guru memberikan situasi yang berbeza kepada murid tentang aktiviti yang dilakukan, iaitu berenang dan alat keselamatan yang sesuai digunakan<br>• Guru harus mengambil kira kesediaan murid dan keperluan pembelajaran murid ketika merancang aktiviti di bilik darjah<br><br><u>Soalan Saranan</u><br>1. Namakan alat-alat keselamatan yang disebut dalam klip video.<br>2. Apakah aktiviti yang dilakukan oleh watak?<br>3. Nyatakan fungsi alat keselamatan tersebut.<br>4. Mengapakah perlu memakai alat keselamatan semasa bermain?<br>5. Nyatakan tempat-tempat yang selamat bagi permainan atau aktiviti di luar rumah.<br><br>**Bahan**<br>Kad Bertransaksi<br>Senarai Semak (Guru dan murid) |

## Contoh Kad Kosa Kata/Frasa

### Kad Kosa Kata

- topi keledar
- alat pelindung lutut
- alat pelindung siku
- stoking
- sarung tangan

U2

### Kad Kosa Kata

- melindung
- menjaga
- melompat
- menunggang
- berlari

U2

### Kad Kosa Kata

- tidak cedera
- selamat
- tidak luka
- keselamatan

U2

### Kad Kosa Kata

- tidak cedera
- selamat
- tidak luka
- keselamatan

U2

## Contoh Kad Panduan Bertransaksi
## 'Menjaga Keselamatan'

| |
|---|
| Apakah alat keselamatan yang perlu digunakan semasa bermain ____________________? |

| |
|---|
| Alat keselamatan yang sesuai digunakan ialah ____________________. |

| |
|---|
| Bagaimanakah saya hendak memakai ____________________? |

| |
|---|
| Awak harus __________________________________. |

Mengapa kita perlu memakai ________________?

Awak perlu memakainya kerana

________________________________________.

Apakah alat-alat lain ________________________

____________________________________________?

Awak boleh membawa _______________

_____________________________________.

Terima kasih kerana __________________________.

## Aktiviti Bertransaksi ‘Menjaga Keselamatan’

## Senarai Semak: Penilaian Guru

Nama: ______________________________________

Kelas: ________________ Tarikh: ________________

**Senarai Semak Kemahiran Interaksi Lisan – Bertransaksi (Individu)**

Tandakan (✓) dalam kurungan.

Murid dapat:

1. bertransaksi tentang alat keselamatan. ( )
2. menggunakan kosa kata yang sesuai. ( )
3. bertanya untuk mendapatkan informasi mengenai alat keselamatan. ( )
4. memberikan respons kepada pertanyaan rakan. ( )

Maklum balas guru:

______________________________________________________

______________________________________________________

Nota:
Penilaian secara individu tidak perlu dijalankan bagi setiap murid. Guru boleh mengenal pasti kumpulan murid yang akan dinilai bagi pelajaran-pelajaran tertentu.

## Aktiviti Bertansaksi 'Menjaga Keselamatan'

## Senarai Semak: Penilaian Kendiri (Murid)

Nama: ______________________________

Kelas: ______________ Tarikh: ______________

Tandakan ( ✓ ) dalam ruang yang sesuai.

| Semasa bertransaksi, saya dapat ... | | Ya  | Tidak  |
|---|---|---|---|
| 1 | bertanyakan soalan mengenai alat keselamatan semasa bermain. | | |
| 2 | memberikan respons yang betul mengenai alat keselamatan semasa bermain. | | |
| 3 | memahami soalan yang ditanyakan. | | |
| 4 | bercakap mengikut giliran. | | |
| 5 | menggunakan sebutan baku. | | |